

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

## Komitmen kerajaan perkukuh kewangan

# Komitmen kerajaan perkukuh kewangan



Harga komoditi yang tinggi dijangka menyumbang peningkatan kutipan hasil pada 2022. (Foto hiasan)

Agihan sumber fiskal dilaksana lebih bersasar tingkat ekonomi, daya saing

Defisit fiskal dijangka berkurang kepada 5.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2023. Ia selari dengan komitmen kerajaan ke arah mengukuhkan kedudukan fiskal bagi memastikan kewangan awam yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana.

Agihan sumber fiskal akan dilaksanakan melalui pendekatan le-

bih bersasar dan mengikut bidang keutamaan bagi meningkatkan kapasiti ekonomi dan daya saing.

Bajet kerajaan kekal mengembang bagi menyediakan sokongan fiskal yang mencukupi dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan melaksanakan pembaharuan ekonomi di samping meneruskan pelan konsolidasi fiskal.

Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2023 diunjur lebih rendah sebanyak RM272.6 bilion atau 15 peratus daripada KDNK berikutan jangkaan pengurangan kutipan hasil bukan cukai.

Hasil bukan cukai dianggar sebanyak RM67 bilion iaitu merosot 23 peratus berbanding 2022 disebabkan oleh jangkaan terimaan dividen daripada en-

titi kerajaan yang lebih rendah.

Walaupun bagaimanapun, hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama dan dijangka berkembang sederhana sebanyak 3.7 peratus kepada RM205.6 bilion selari unjuran pemuliharaan ekonomi yang lebih perlahan.

Selaras pendekatan perbelanjaan lebih bersasar, jumlah perbelanjaan pada 2023 diunjur berkurang sedikit kepada RM372.3 bilion atau 20.5 peratus daripada KDNK terutama disebabkan penamatan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19).

Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus (OE) berkurang kepada RM272.3 bilion terutama disebabkan pengurangan subsidi berikutan jangkaan harga komoditi lebih rendah dan langkah beransur-ansur ke arah pem-

berian subsidi lebih bersasar.

Selain itu, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka meningkat ketara kepada RM95 bilion berikutan peruntukan lebih tinggi untuk program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) seperti pembinaan lebuh raya dan landasan kereta api, fasiliti perubatan serta institusi pendidikan.

Defisit fiskal keseluruhan berbanding KDNK diunjur terus berkurang kepada 5.8 peratus pada 2022 berbanding jangkaan enam peratus dalam Bajet 2022. Ia selaras dengan peningkatan kutipan hasil dan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan.

Kedudukan fiskal terus bertambah baik pada separuh pertama 2022 terutama disebabkan pe-

ngkuhan permintaan domestik yang menyumbang kepada kutipan hasil menggalakkan.

Unjuran prestasi ekonomi domestik yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi dijangka menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil pada 2022.

Hasil dianggar meningkat kepada RM285.2 bilion atau 16.7 peratus daripada KDNK terutamanya daripada hasil cukai dan bukan cukai, iaitu peningkatan sebanyak 21.9 peratus berbanding anggaran belanjawan.

Peningkatan hasil cukai terutama disumbangkan Cukai Makmur, Program Khas Pengakuan Sukarela dan cukai berkaitan komoditi, manakala hasil bukan cukai terutama daripada dividen tambahan PETRONAS sebanyak RM25 bilion.